

PENGAPLIKASIAN PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI
DALAM SUBJEK PERCUKAIAN

ADIEBAH BINTI AHMAD

Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

Buat Yang Teristimewa,

Encik Ahmad Bin Abdul Rahman & Puan Saodah Binti Hashim

Semua Ahli Keluarga

Tuan Haji Ali, M@AHI & AHadiAr

Sahabat, Kawan-kawan & Rakan-rakan Seperjuangan

Semua Pensyarah Sarjana PTV



PTTA AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi di atas izin Nya dapat saya menyiapkan laporan projek sarjana ini dengan baik dan sempurna. Dengan ini, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, Tuan Haji Ali Bin Suradin atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan bagi projek sarjana ini. Ribuan maaf atas sikap dan sebarang perkara yang telah dilakukan. Jasa dan kesabaran tuan, tidak dapat saya lupakan.

Kepada para panel VIVA, Dr. Hj. Jailani Bin Md. Yunus dan Cik Ruhaya Binti Ismail atas tunjuk ajar yang dihulurkan. Semua pelajar DAT 6A dan DAT 6B serta pensyarah Encik Mat Zain Mamat kerana memberi kerjasama yang padu serta peluang untuk menyempurnakan projek sarjana ini amat dihargai.

Kepada keluarga tersayang, rakan-rakan serta kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek sarjana ini. Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat sama ada Pembelajaran Terarah Kendiri diaplikasi dalam proses pembelajaran subjek Percukaian Malaysia I terutama sub bab Sistem Taksiran Sendiri (STS). Pembelajaran Terarah Kendiri merupakan salah satu kaedah pembelajaran bestari yang melibatkan elemen-elemen motivasi, metakognitif, penentuan strategi pembelajaran, kepekaan konteks, memahami isi pelajaran dan penggunaan sumber luaran sebagai bantuan. STS pula satu sistem penaksiran cukai yang memerlukan pembayar cukai membuat pengiraan cukainya sendiri. Responden kajian terdiri daripada 50 orang pelajar semester VI, Diploma Akauntansi di POLIMAS. Data-data dianalisis dengan menggunakan pakej perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) versi 10.0 bagi mendapatkan skor min, peratusan dan kolerasi *pearson*. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, didapati 66 peratus responden telah menggunakan Pembelajaran Terarah Kendiri dalam proses pembelajaran subjek ini. Manakala satu hubungan positif telah wujud di antara elemen-elemen dalam Pembelajaran Terarah Kendiri dengan pemahaman pelajar terhadap subjek STS. Namun, hubungan tersebut sekadar lemah atau sangat lemah dan tiada signifikan menunjukkan bahawa walaupun ada hubungan tetapi ia tidak mampu memberikan pemahaman yang baik kepada pelajar tersebut. Nilai skor min bagi pelajar yang yakin mampu mengaplikasikan STS adalah 4.8 iaitu berada di tahap setuju. Peratusan menunjukkan, 98 peratus responden yakin mampu mengaplikasikan STS ini. Semua hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah. Cadangan-cadangan diberikan untuk menunjukkan bagaimana pengaplikasian elemen-elemen Pembelajaran Terarah Kendiri boleh dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien dalam usaha meningkatkan pemahaman seterusnya meningkatkan prestasi pelajar.

ABSTRACT

The purpose of this study is to find out whether Self-directed Learning was applied in the learning process of Percukaian Malaysia I specifically in chapter Self Assessment System (SAS). Self-directed Learning is one of the smart learning method consist of elements which are ; motivation, Meta cognitive, determining of learning strategy, contexts awareness, understanding the contents and using external resources. SAS is a taxation system, which requires taxpayers to calculate their tax payments himself. There are 50 students of Semester VI, Diploma in Accountancy at POLIMAS were selected as respondents. All data were gathered and analyzed by using SPSS Packages Version 10.0 in order to obtain min score, percentages and Pearson's Correlation. The analysis showed 66 percent of respondents were using Self-directed Learning in the learning process for the selected. Whilst, there was a positive correlations existed between elements of Self-directed Learning and student's understanding for this subject. Simultaneously, the correlation was not strong or not very strong and not significant indicated it is not given better understanding for the students. Min score for the confidence in applying SAS indicated by 4.8 which represents the agree level. There are 98 percent were confidence to apply SAS. The results of this study were described in the form of tables and graphs. In the light of these findings, it was suggested that the application of the Self-directed Learning elements can be applied effectively and efficiently in order to increase the level of understanding which leads for a better students performance.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xiv
	HALAMAN SENARAI RAJAH	xvi
	HALAMAN SENARAI SINGKATAN	xvii
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAHAGIAN SATU

BAB I PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Definisi Konseptual dan Pengoperasian	7
1.7.1	Penggunaan Pembelajaran Terarah Kendiri	7
1.7.1.1	Memahami Isi Pelajaran	8
1.7.1.2	Motivasi	9
1.7.1.3	Metakognitif	9
1.7.1.4	Penentuan Strategi Pembelajaran	10
1.7.1.5	Kepekaan Konteks	10
1.7.1.6	Penggunaan Sumber Luaran Sebagai Bantuan	11
1.7.2	Proses Pembelajaran	12
1.7.3	Pemahaman Pelajar	12
1.7.4	Subjek Sistem Taksiran Sendiri	13
1.8	Limitasi Kajian	13

BAHAGIAN DUA

BAB II SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	14
2.2	Konsep-konsep Pembelajaran Terarah Kendiri <i>(Self-directed Learning)</i>	15
2.3	Ciri-ciri Pembelajaran Terarah Kendiri <i>(Self-directed Learning)</i> oleh Lidner dan Harris (1993) dalam Jay Wilson (1997)	19
2.3.1	Motivasi <i>(Motivation)</i>	19
2.3.2	Metakognitif <i>(Metacognitive)</i>	20
2.3.3	Kepekaan Konteks	20
2.3.4	Memahami Isi Pelajaran atau Kepercayaan Epistemologi <i>(Epistemology Beliefs)</i>	21
2.3.5	Penentuan Strategi Pembelajaran	21
2.3.6	Penggunaan Sumber Luaran Sebagai Bantuan	22
2.4	Ciri-ciri Pembelajaran Terarah Kendiri oleh Guglielmino, L.M. dan Guglielmino, P.J. (1991) dalam Tri Darmayanti (1994).	22
2.5	Ciri-ciri Pembelajaran Terarah Kendiri oleh Brockett, R.G. dan Hiemstar, R. (1991)	23
2.6	Asas Kepada Pembelajaran Terarah Kendiri	25
2.7	Perancangan Pembelajaran Terarah Kendiri	26
2.8	Proses-Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Individu	27
2.9	Sumber-Sumber Kepada Pembelajaran Terarah Kendiri	27

2.10	Pelajaran P 419 : Percukaian Malaysia I – Sistem Taksiran Sendiri	28
2.10.1	Konsep Sistem Taksiran Sendiri	28
2.10.2	Perlaksanaan Sistem Taksiran Sendiri di Malaysia	29
2.11	Kesimpulan	30

BAHAGIAN TIGA

BAB III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	31
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Populasi dan Sampel	32
3.4	Instrumen Kajian	34
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	36
3.6	Prosedur Analisis Data	37
3.7	Kajian Rintis	41
3.8	Limitasi	41
3.9	Kesimpulan	42

BAHAGIAN EMPAT

BAB IV PENEMUAN DAN PERUMUSAN HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	43
4.2	Profail Responden	44
4.2.1	Jantina Responden	44
4.2.2	Kelas Responden	45
4.2.3	Bangsa Responden	46
4.3	Analisis Penglibatan Pembelajaran Terarah Kendiri Dalam Subjek Sistem Taksiran Sendiri (STS)	47
4.4	Analisis Perhubungan antara Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Pemahaman Pelajar Terhadap Subjek Sistem Taksiran Sendiri (STS)	50
4.4.1	Hubungan Motivasi dengan Pemahaman Pelajar Terhadap Subjek STS	50
4.4.2	Hubungan Penentuan Strategi Pembelajaran dengan Pemahaman Pelajar Terhadap Subjek STS	52
4.4.3	Hubungan Penggunaan Sumber Luaran Sebagai Bantuan dengan Pemahaman Pelajar Terhadap Subjek STS	54
4.4.4	Hubungan Memahami Isi Pelajaran dengan Pemahaman Pelajar Terhadap Subjek STS	56
4.4.5	Hubungan Metakognitif dengan Pemahaman Pelajar Terhadap Subjek STS	58
4.4.6	Hubungan Kepekaan Konteks dengan Pemahaman Pelajar Terhadap Subjek STS	60
4.5	Analisis Kemampuan Pelajar Mengaplikasikan Subjek STS	62
4.6	Kesimpulan	63

BAHAGIAN LIMA

BAB V KESIMPULAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	64
5.2	Perbincangan	65
5.2.1	Penglibatan Pembelajaran Terarah Kendiri dalam Subjek Percukaian Malaysia I - Sistem Taksiran Sendiri	65
5.2.2	Hubungan Antara Elemen-elemen Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Subjek Percukaian Malaysia I - Sistem Taksiran Sendiri	67
5.2.3	Pengaplikasian Oleh Pelajar Diploma Akauntansi Dalam Memberi Bantuan Kepada Pembayar Cukai	70
5.3	Kesimpulan	71
5.4	Cadangan	73
5.4.1	Meningkatkan Motivasi	73
5.4.2	Penentuan Strategi Pembelajaran Yang Berkesan	75
5.4.3	Meningkatkan Tahap Pemahaman Terhadap Isi Pelajaran	77
5.4.4	Meningkatkan Tahap Kepekaan Konteks	79
5.4.5	Penentuan Metakognitif Yang Lebih Berkesan	80
5.4.6	Penggunaan Sumber Luaran Sebagai Bantuan Untuk Meningkatkan Kecemerlangan Belajar	81

BAHAGIAN ENAM

BIBLIOGRAFI

82

BAHAGIAN TUJUH

LAMPIRAN

LAMPIRAN A-E

89 - 100



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model Perancangan atau Panduan Untuk Pembelajaran Terarah Kendiri (Brockett, R.G. dan Hiemstar, R., 1991)	26
3.1	Komponen Soal Selidik berdasarkan elemen-elemen Pengajaran Terarah Kendiri	35
3.2	Penggunaan Skala Likert dalam soal selidik	35
3.3	Justifikasi penggunaan Pembelajaran Terarah Kendiri	37
3.4	Tafsiran Skor Min (Diubahsuai dari Landell, K., 1997)	38
3.5	Klasifikasi kekuatan kolerasi (Salkind, N.J., 2000)	39
3.6	Pembahagian Julat dan Anggaran (Wallen, N.E. & Fraenkel, F.J., 1991)	40
4.1	Bilangan responden mengikut jantina	44
4.2	Bilangan responden mengikut kelas	45
4.3	Jumlah responden mengikut bangsa	46
4.4	Skor min bagi Pembelajaran Terarah Kendiri	47
4.5	Peratusan penglibatan elemen-elemen Pembelajaran Terarah Kendiri dalam subjek STS	48

4.6	Hubungan motivasi dan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	50
4.7	Hubungan antara penentuan strategi pembelajaran dengan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	52
4.8	Hubungan antara penggunaan sumber luaran sebagai bantuan dengan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	54
4.9	Hubungan antara memahami isi pelajaran dengan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	56
4.10	Hubungan antara metakognitif dengan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	58
4.11	Hubungan antara kepekaan konteks dengan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	60
4.12	Skor min pelajar yakin mampu mengaplikasikan STS	62



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Taburan responden mengikut jantina	44
4.2	Taburan responden mengikut kelas	45
4.3	Jumlah responden mengikut bangsa	46
4.4	Taburan penglibatan Pembelajaran Terarah Kendiri Dalam Subjek Percukaian Malaysia I – Sistem Taksiran Sendiri	48
4.5	Hubungan positif antara motivasi dan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	51
4.6	Hubungan positif antara penentuan strategi pembelajaran dan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	53
4.7	Hubungan positif antara penggunaan sumber luaran sebagai bantuan dan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	55
4.8	Hubungan positif antara memahami isi pelajaran dan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	57
4.9	Hubungan positif antara metakognitif dan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	59
4.10	Hubungan positif antara kepekaan konteks dan pemahaman pelajar terhadap subjek STS	61
4.11	Taburan pelajar yang berkemampuan mengaplikasikan subjek STS	62

SENARAI SINGKATAN

DAT	Diploma Akauntansi
GPMS	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
N	Bilangan Pelajar
POLIMAS	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
SPSS 10.0	<i>Statistical Package for Social Science series 10.0</i>
STS/SAS	Sistem Taksiran Sendiri (<i>Self-assessment System</i>)



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	89
B	Kebolehpercayaan (<i>Alpha Cronbach</i>)	95
C	Analisis Skor Min	97
D	Analisis Kolerasi	98
E	Analisis Pelajar Yakin Mampu Mengaplikasikan STS	100



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

BAHAGIAN SATU

PENGENALAN



PITTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam dunia pendidikan tidak lepas dengan pelbagai masalah terutama masalah pelajar dan kaedah pembelajarannya. Ketidacemerlangan pelajar menjadi satu punca kepada masalah pembelajaran kini. Menurut Jaafar Abdul Rahim, Ketua Penerangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), punca masalah ini dikatakan daripada sikap pelajar itu sendiri. Mereka menganggap lulus peperiksaan melambangkan mereka berilmu. Antara punca-punca kemerosotan pelajar dikatakan kurang kesedaran tentang kepentingan ilmu, kurang motivasi untuk memajukan diri, menghadapi sindrom 'bisu ilmu' iaitu tidak mampu berhujah, tidak memahami isi pelajaran, malas menyoal, mudah berpuas hati, tiada motivasi ilmu dan sebagainya (Utusan Malaysia, 20 September 2001).

Namun setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran tersendiri dalam memastikan kejayaan menjadi milik mereka. Usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh menjamin kecemerlangan seseorang pelajar (Hassan Mohd Ali, 1991). Aspek dalaman dan luaran perlu diambilkira agar selari dan seimbang agar matlamat yang ingin dicapai akan terlaksana. Demikian juga semasa mempelajari subjek Percukaian Malaysia I - Sistem Taksiran Sendiri (STS) atau *Self-assessment System (SAS)*. STS merupakan sub bab kepada P 419 : Percukaian Malaysia I yang dipelajari oleh pelajar semester V seluruh politeknik bagi kursus Diploma Akauntansi (DAT).

Sistem Taksiran Sendiri (STS) adalah satu sistem percukaian baru diperkenalkan di Malaysia yang memerlukan pembayar cukai mengira serta membayar cukainya sendiri. (Sumber: <http://www.hasilNet.org.my>). STS ini mula diperkenalkan dalam Belanjawan 2000 di mana penaksiran cukai adalah berdasarkan tahun semasa bukan lagi mengikut tahun taksiran sebelum ini. Memandangkan item percukaian berubah setiap tahun bergantung kepada pembentangan belanjawan maka setiap pensyarah dan pelajar perlu sentiasa mengemaskini perubahan tersebut. Ini adalah untuk memastikan ilmu yang diperolehi mereka sentiasa baru dan bersesuaian dengan keadaan semasa. Justeru itu, kaedah pembelajaran yang berkesan perlu diaplikasikan dalam subjek ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Kaedah pembelajaran yang berkesan memberikan impak yang baik kepada pembelajaran pelajar. Bagi menentukan kaedah pembelajaran terbaik, kajian mendalam perlu dilakukan kerana belum ditemui kaedah pembelajaran yang terbaik. Salah satu kaedah pembelajaran adalah Pembelajaran Terarah Kendiri. Menurut Dr. Ismail Zain, panel jawatan kuasa penggubal kurikulum sekolah bestari, Pembelajaran Terarah

Kendiri (*Self-directed Learning*) merupakan salah satu prinsip utama pembelajaran bestari. Pembelajaran jenis ini menuntut kepada pelajar sendiri memainkan peranannya dalam menimba ilmu (Utusan Malaysia, 25 Oktober 2001).

Ia juga dikatakan pembelajaran untuk golongan dewasa atau matang (*adult learning*) (Mezirow, 1978). Satu kajian oleh Tough (1978), mendapati 90 peratus daripada golongan dewasa mengendalikan sekurang-kurangnya satu projek pembelajaran terarah sendiri setahun. Pelajar perlu mempunyai kesedaran untuk belajar tanpa dipaksa oleh orang lain. Ia dikatakan pembelajaran jenis demokrasi berbanding sistem pendidikan kini yang lebih kepada autokratik di mana pengamalan sistem pendidikan formal.

Menurut Knowles (1975), Pembelajaran Terarah Kendiri (*Self-directed Learning*) adalah :-

“ a process in which individuals take the inisiative, with or without the help of others, in diagnosis their learning needs, formulating learning goals, identifying human and material resources for learning, choosing and implementing appropriate learning strategies and evaluating learning outcome”. (30)

(Tri Darmayanti, 1994.)

Berdasarkan definisi oleh Knowles (1975), Pembelajaran Terarah Kendiri dilihat sebagai proses di mana individu mengambil inisiatif dengan atau tanpa bantuan lain, dalam memenuhi keperluan pembelajarannya, menetapkan matlamat pembelajaran, mengenalpasti sumber manusia dan bahan untuk pembelajaran, memilih dan melaksanakan strategi pembelajaran yang bersesuaian dan menilai perolehan hasil pembelajaran tersebut.

Sebagai sebuah institusi pendidikan teknik dan vokasional yang mana mempunyai matlamat menyediakan tenaga mahir, adalah penting pelajar politeknik diberikan pendedahan dan pengetahuan yang sebenar dan secukupnya sebagai persediaan di samping dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya. Justeru itu, pelajar politeknik juga perlu menerapkan ciri-ciri Pembelajaran Terarah Kendiri dalam pembelajarannya. Ini kerana Pembelajaran Terarah Kendiri (*Self-directed Learning*) ini mempunyai kaitan dengan prestasi pelajar. Kajian oleh Rogers, Smith dan Coleman (1978), Newman (1984), Skaalvik (1983), Rosni (1989), dan Skaalvik & Hagtvet (1990), menunjukkan terdapat satu hubungan signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik (Setiawan Hordono, 2000).

Di sini pengkaji akan cuba melihat kepada bagaimanakah pendekatan Pembelajaran Terarah Kendiri (*Self-directed Learning*) diaplikasikan dalam proses pembelajaran bagi subjek Percukaian Malaysia I - Sistem Taksiran Sendiri oleh pelajar semester VI, Diploma Akauntansi Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra Kedah DarulAman. Tahap pemahaman akan teruji sekiranya pelajar boleh mengaplikasinya dan menunjukkan prestasi cemerlang dalam peperiksaan. Pengaplikasian ini akan memberikan satu pengalaman kepada pelajar di samping membantu pihak pembayar cukai untuk menyelesaikan masalah ketidakfahaman berkaitan dengan Sistem Taksiran Sendiri ini.

Di samping itu juga, pelajar ini boleh menggunakan kesempatan ini dengan menawarkan perkhidmatan pengiraan cukai kepada pembayar cukai yang memerlukan bantuan ini dengan mengenakan yuran perkhidmatan yang setimpal meskipun mereka bukan lagi profesional. Oleh itu, selain boleh menyalurkan perkhidmatan sosial, pengetahuan yang diperolehi tidak disia-siakan dan turut memberikan hasil sampingan.

1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah pelajar terlibat dalam penggunaan Pembelajaran Terarah Kendiri (*Self-directed Learning*) semasa proses pembelajaran subjek Percukaian Malaysia I - Sistem Taksiran Sendiri (STS)?
2. Bagaimanakah hubungan elemen-elemen Pembelajaran Terarah Kendiri (*Self-directed Learning*) dengan pemahaman pelajar terhadap subjek Percukaian Malaysia I - Sistem Taksiran Sendiri (STS)?
3. Apakah pelajar yakin mampu mengaplikasikan subjek Percukaian Malaysia I – Sistem Taksiran Sendiri (STS)?

1.4 Objektif Kajian

1. Untuk melihat penglibatan pelajar dalam penggunaan Pembelajaran Terarah Kendiri (*Self-directed Learning*) bagi subjek Percukaian Malaysia I - Sistem Taksiran Sendiri (STS).
2. Untuk mengenalpasti hubungan dua pembolehubah iaitu antara elemen-elemen Pembelajaran Terarah Kendiri (*Self-directed Learning*) dan pemahaman pelajar terhadap subjek Percukaian Malaysia I - Sistem Taksiran Sendiri (STS).

3. Untuk melihat sama ada pelajar ini yakin membuat penaksiran cukai kepada pembayar cukai (terutama individu) dengan menggunakan Sistem Taksiran Sendiri.

1.5 Kepentingan Kajian

Sistem Taksiran Sendiri merupakan sistem yang memerlukan pembayar cukai mengira dan membayar cukainya sendiri. Ia dipelajari dalam subjek P 419 Percukaian Malaysia I di bawah sub bab Sistem Taksiran Sendiri (STS). Perubahan dalam belanjawan yang dibentangkan setiap tahun akan memberi kesan kepada pengiraan cukai pendapatan. Memandangkan STS merupakan subjek yang memerlukan pengetahuan semasa, maka adalah penting pelajar menggunakan pendekatan Pembelajaran Terarah Kendiri ini kerana ia mempunyai ciri-ciri seperti *Self-reinforcement*, inisiatif, tanggungjawab kepada pembelajaran sendiri, berdikari, kemahiran mengurus masa, kebolehan menyelesaikan masalah, inovatif, *Self-discipline*, motivasi dalaman, kemahiran merancang, *Self-awareness*, kemahiran berfikiran kritikal, *Self-confidence* dan menggunakan unsur dalaman sebagai penilaian (Guglielmino, P.J. dan Guglielmino, L.M. (1991).

Oleh itu, kajian ini penting untuk melihat sama ada pelajar mengaplikasikan Pembelajaran Terarah Kendiri dalam pembelajaran subjek STS ini. Pelajar perlu mewujudkan ciri-ciri Pembelajaran Terarah Kendiri dalam diri mereka. Ini kerana ia akan memotivasikan dan memberikan panduan untuk memperolehi maklumat berkaitan cukai dapat digunakan sepenuhnya. Ini sekaligus dapat meningkatkan pengetahuan dan boleh menyalurkan sumbangan kepada masyarakat dengan membantu mereka membuat taksiran percukaian sebagai satu cara pendedahan kepada keadaan pekerjaan sebenar.

BAHAGIAN ENAM

BIBLIOGRAFI



PTITAU THM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

BIBLIOGRAFI

Abdul Razak Abdullah (1989). "Hubungan antara Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik Pelajar-pelajar di Sebuah Sekolah Berasrama Penuh di Perlis." Universiti Pertanian Malaysia : Kajian Ilmiah Sarjana Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling).

Ahmad Esa (2001), "Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan : Satu Analisis Lapangan Kertas Kerja". Dlm. Seminar Kebangsaan Sosioekonomi dan IT.

Ariffuddin Ibrahim (2001). "Tinjauan Terhadap Kemahiran Belajar Di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik KUiTTHO Kesannya Terhadap Prestasi Akademik". Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Pendidikan (Teknikal).

Bringle dan Hatcher (1995). "Experiential Learning-Service Learning : Linking Accounting Content to Practice and Real-World Problems." *Chartered Accountants Journal of New Zeland* .Vol.76 (5).hlm.67-68.

Brockett, R.G dan Hiemstra, R. (1991). "Self Direction in Adult Learning : Perspectives on Theory, Research and Practice." London & New York : Routledge

Cloud, Donna Leach. (1992). "Association of Parent-Child Self-Directed Learning Readiness : An Explotary Study." University of Oklahama : Tesis PhD. (edu.)

Cole, G.P dan Chan, K.S.L (1994), "Teaching Principles and Practice." 2nd.ed. Nee York:Prentice Hall.

Ee Ah Meng (1994). "Psikologi Dalam Bilik Darjah". Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fisher T.D. (1998). " Self Directedness In Adult Vocational Education Students : Its Role In Learning and Implications For Instruction." *Journal of Vocational and Technical Education*. **Vol.12** (1)

Gall, M.D. et. al. (1996). "Educational Research:An Introduction." White Plains, New Yorks : Longman.

Hassan Mohd Ali (1991). "Strategi Belajar Berkesan." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

<http://www.hasilNet.org.my>

Bahagian 1 : Am – Apakah Taksiran Sendiri, 24 November 2002

<http://home.twncy.rr.com/hiemstra/sdilch2.html>

Chapter Two : A Conceptual Framework for Understanding Self Direction in Adult Learning by Hiemstra & Brockett (1991), 1 Januari 2002.

<http://home.twncy.rg.com/hiemstra/sdilch6.html>

Chapter Six : Facilitating Self Directed Learning by Hiemstra & Brockett (1991), 1 Januari 2002.

<http://home.twncy.rg.com/hiemstra/sdilch7.html>

Chapter Seven : Enhancing Learner Self Direction by Hiemstra & Brockett (1991), 1 Januari 2002.

<http://home.twncy.rg.com/hiemstra/sdilch11.html>

Chapter Eleven : Ethical Dilemmas in Self Direction by Hiemstra & Brockett (1991), 1 Januari 2002.

<http://maktab.virtualave.net/masteri3.htm>

Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran, 1 Januari 2002.

<http://members.tripod.com/Bobezani/belajar.htm>

Kaedah Pembelajaran Yang Lebih Berkesan, 2 Januari 2002

<http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/artikel/hormat.htm>

Penghormatan Pada Diri Sendiri – Faktor Ke arah Kejayaan oleh Dr. Ismail Zain, 21 Januari 2002.

<http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/artikel/emosi2.htm>

Keyakinan Emosi – Ke arah Kejayaan Memperbaiki Kualiti Diri oleh Dr. Ismail Zain, 21 Januari 2002.

<http://ishakothman.tripod.com/ppbk4.htm>

Teori dan Strategi Pengajaran Pembelajaran Dalam Merekabentuk Perisian Kursus PPBK, 25 Februari 2002

<http://selfknowledge.com/10268.htm>

Dictionary Information Definition Understanding-Description Meaning
Thesaurus, 28 Februari 2002

Ismail Zain (2001). "Bahagian 14 Pembelajaran Bestari:Menyediakan Suasana Pembelajaran Terarah Kendiri". *Utusan Malaysia*. 25 Oktober 2001.

Isnawarni Ismail, Ramli Mat Amin dan Rizan Othman (1999). "Tinjauan Kritikal Kepentingan Modul Pengajaran di Kalangan Pelajar-pelajar di Institusi Teknologi Tun Hussien Onn." Institusi Teknologi Tun Hussien Onn : Tesis Sarjana Pendidikan (Teknikal).

Kaharuddin Osman, Harlinda Ahmad dan I. Logaiswari (2001). "Penggunaan Strategi Pembelajaran Pengarahan Kendiri Di Kalangan Pelajar-pelajar Jurusan Perakaunan Jabatan Perdagangan di Politeknik." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn : Tesis Sarjana Pendidikan (Teknikal).

King, A. (1992). "Comparison of Self-questioning Summarizing & Note Taking-Review As Strategies For Learning From Lecturers", *American Educational Research Journal*. 303-323.

Jeyapalan, K. et.al (1999). "Are Malaysian Taxpayers' Prepared for the Self Assessment System?" *Journal of Taxation*.

Lasky, M.L dan Gibson, P.W. (1997). "How to study in College." United States of America : Ally & Bacon.

Laupa Yunus (2001), "Tidak Yakin Antara Sebab Pelajar Kurang Cemerlang". *Utusan Malaysia*, 16 Julai 2001.

Lau Too Kya dan Zainuddin Awang (1994). "Statistik Asas ITM." Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mohamad Najib Abdul Ghaffar, 1999. "Penyelidikan Pendidikan." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Majid Konting (1998). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majdi @ Abdul Hadi Ishak (2001). "Penguasaan Matematik Member Input Terhadap Pencapaian Akademik : Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Tahun 1 Diploma Kejuruteraan Mekanikal KUiTTHO". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Pendidikan (Teknikal).

Mustafa, H.M.(1997). “ An Evaluation of the Malaysian Tax Administration System and Taxpayers’ Perceptions Towards Assessment Systems, Tax Law Fairness and Tax Law Complexity.” Universiti Utara Malaysia : Tesis Ph.D.

Nordiana Jamaluddin (2000). “Pendekatan Pedagogi yang Paling Sesuai Untuk Matapelajaran Perakaunan Semester 1 : Satu Kajian Kes di Politeknik Kota Bharu Kelantan”. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Pendidikan.

Jaafar Abdul Rahim (2001). “Pelajar Melayu Alami Sindrom Bisu Ilmu” *Utusan Malaysia*, 20 September 2001.

Rozhan Mohammed Idrus & Ahmad Mohamad (1993). “Pembentukan Budaya Pembelajaran Arah Kendiri : Peranan Pengajar, Pelajar dan Teknologi.” Dlm. Forum-forum Kumpulan Kertas Kerja Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-3 : Persatuan Teknologi Pendidikan.

Salihan Siahs (1991). “Teknik Belajar Berkesan”. Hanita Samadi (eds). Penerbitan Sri Maju : Kuala Lumpur.m.s.8,9.

“Self-assessment System : More Straight Forward ”. *News Strait Times*, 24 Oktober 1998.

Setiawan Hardono (2000). “Konsep Kendiri dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar Semester 3.” Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn : Tesis Sarjana Pendidikan (Teknikal).

Skaalvik and Hagtvet (1983). "Measures of Self-Esteem for School-Age Children." *Journal of Counseling and Development*. Vol.66. hlm.298-301.

Timo, Honkela et.al (1995). "Contextual Relations of Words in Grimm Tales Analyzed by Self-Organizing Map. In F. Fogelman_Soulie and P. Gallinari (eds.) *ICANN* Vol.95 (2).hlm.3-7.

Tri Darmayanti (1994). " Readiness For Self Directed Learning and Achievement of the Students of Universitas Terbuka (The Indonesian Open Learning university)." A Bell & Howell Co.

Wilson, Jay (Jun 1997). "Self Regulated Learners and Distance Education Theory." Educational Communication & Technology. Saskatchwan : University of Saskatchwan.



PTTA ALITHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TJUNA AMINAH